

# SOSIOLOGI RASUAH

SIFAT, FUNGSI, PUNCA DAN PENCEGAHAN

**INTISARI** adalah *imprint* **Kawah Buku**, yang menumpukan kepada penerbitan ilmiah bagi Pengajian Melayu dan Pengajian Malaysia.

*Golongan cerdas pandai  
dan soleh memang tidak  
punya kuasa, tetapi mereka  
ternyata penting sementelah  
hakikatnya bahawa  
disebabkan merekalah, idea  
penentangan rasuah malar  
hidup.*



# SOSIOLOGI RASUAH

SIFAT, FUNGSI, PUNCA DAN PENCEGAHAN

Syed Hussein Alatas

*Penterjemah*

Ahmad Tajuddin



INTISARI

Bangi

Hak cipta manuskrip © Syed Hussein Alatas  
Hak cipta terjemahan © Ahmad Tajuddin

Edisi pertama dalam Bahasa Inggeris diterbitkan pada tahun 1968 oleh Donald Moore Press Ltd, Singapura dengan judul asalnya *The Sociology of Corruption: The Nature, Function, Causes and Prevention of Corruption*. Edisi terjemahan ini diterbitkan dengan izin daripada keluarga Syed Hussein Alatas.

*Edisi ini diterbitkan pada tahun 2025 oleh*

**INTISARI**, sebuah imprint **Kawah Buku**  
(Didaftarkan di bawah Soeloeh Merdeka Publishing)  
Bandar Baru Bangi  
43650 Selangor  
🌐 [press.kawahbuku.com](http://press.kawahbuku.com)

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau sebarang cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pemegang hak cipta.



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan  
Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati  
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-967-26405-7-8

Terjemahan oleh Ahmad Tajuddin  
Suntingan oleh Iskandar Kamel  
Bacaan semak oleh Ruhan Shahrir dan Azan Safar  
Reka bentuk kulit oleh Amin Landak

Diterbitkan di Malaysia  
Dicetak oleh Vinlin Press

2 4 6 8 10 9 7 5 3 1

# ISI KANDUNGAN

*Nota Penterjemah*

ix

*Prakata (Edisi Terjemahan)*

xi

*Prakata (Edisi Bahasa Inggeris)*

xv

Pengenalan

1

Sifat Rasuah

13

Fungsi Rasuah

23

Punca Rasuah

59

Pencegahan Rasuah

81

Kesimpulan

97

*Glosari*

99

*Rujukan*

101

*Indeks*

107





## NOTA PENTERJEMAH

Kali pertama kami berkenalan dengan monograf berjudul *The Sociology of Corruption* karya Syed Hussein Alatas, adalah sewaktu Kawah Buku mengadakan Sekolah Malam buat julung kalinya, sekitar Januari 2018. Seorang teman mencadangkan agar monograf tersebut diperbahaskan, yang menurutnya adalah huraian sosiologi rasuah yang menjadi ‘matan’ kepada kajian dan karya-karya seputar rasuah oleh Alatas terkemudiannya. Waktu itu lantas kami menyimpan hasrat untuk menterjemahkannya ke dalam bahasa Melayu. Hal tersebut hanya menjadi kenyataan, seusai pertemuan kali pertama kami dengan Syed Farid Alatas, di kediamannya pada akhir Jun 2022, dan kami menyampaikan hasrat untuk menterjemahkan monograf tersebut. Beliau memberi keizinan dan dokongan penuh kepada hasrat tersebut. Seyogia, kami ingin menzahirkan setinggi rasa terima kasih dan penghargaan untuk penghormatan dan dokongan beliau.

Terjemahan ini sedaya mungkin cuba setia dengan teks asalnya, dengan judul terjemahan *Sosiologi Rasuah: Sifat, Fungsi, Punca dan Pencegahan*. Sewaktu perbincangan dengan Syed Farid Alatas, antara pokok persoalannya adalah, apakah istilah *corruption* perlu diterjemah kepada *rasuah* atau menggunakan istilah cedokan iaitu *korupsi*. Perbincangan tersebut, berakhir dengan

masing-masingnya bersetuju dengan istilah rasuah, yang memang sudah terpakai dan difahami oleh masyarakat umum di Malaysia sebagai sebuah fenomena sosial—malah turut disemat pada nama agensi antirasuah di negara ini.

Monograf ini diterbitkan pada tahun 1968, justeru pembaca perlu memahami konteks contoh-contoh kes rasuah yang dimasukkan oleh Atlas adalah seputar tempoh masa tersebut. Malahan, terjemahan ini turut mengekalkan beberapa perkara seumpama matawang lama iaitu penggunaan Malayan dollar (M\$) bagi contoh-contoh kes di Malaysia; dan guilder (matawang Belanda) untuk contoh-contoh kes di Indonesia. Kami tidak berhajat untuk menukar atau memberi penjelasan secara rinci setiap tukaran matawang tersebut untuk nilainya pada masa kini, dengan tambahan inflasi dan sebagainya, kerana memikirkan bahawa hal-hal teknikal sebegitu bukan niat utama kepada penulisan monograf ini.

Untuk mempermudah pembaca, kami turut membahagikan teks monograf ini kepada beberapa subjudul, dan untuk perkara ini kami ingin memulangkan penghargaan kepada versi terjemahan bahasa Indonesia terbitan LP3ES (1981) yang dijadikan rujukan kepada pembahagian subjudul. Selain daripada itu, kami turut menyediakan halaman glosari dan indeks yang bertujuan membantu pembaca sewaktu menelaah karya ini. Kami berharap penerbitan edisi terjemahan kepada monograf penting ini menyumbang kepada usaha memartabatkan korpus kesusasteraan sosiologi di Malaysia, yang ditawarkan dalam bahasa Melayu.

## PRAKATA

### (Edisi Terjemahan)

Bahasa asal buku ini adalah bahasa Inggeris, diterbitkan pada tahun 1968. *The Sociology of Corruption* telah diterjemahkan dalam beberapa bahasa, termasuk bahasa Melayu. Edisi bahasa Indonesia telah diterbitkan pada 1981. Buku ini boleh dianggap sebagai edisi terbaharu dalam bahasa Melayu.

Buku *Sosiologi Rasuah* lebih relevan pada saat ini dibandingkan dengan waktu lahirnya karya ini lima puluh enam tahun dahulu. Ini adalah kerana rakyat yang menyedari tentang bahaya rasuah kepada masyarakat jauh lebih besar sekarang berbanding sebelum ini. Usaha-usaha untuk membanteras cabaran sosial ini juga lebih gigih dan teratur dewasa ini daripada masa lampau.

Syed Hussein Alatas adalah perintis dalam mengkaji dan mengemukakan rasuah sebagai salah satu cabaran utama yang dihadapi masyarakat. Sebelum buku *The Sociology of Corruption* diterbitkan pada 1968, beliau telah menulis beberapa makalah tentang cabaran ini. Sebenarnya, keprihatinan beliau mula terbukti semasa beliau menjadi pelajar ijazah sains sosial di Universiti Amsterdam di Belanda pada awal dasawarsa lima puluhan. Sebagai pengasas dan pengarang sebuah majalah berjudul *Progressive Islam*, beliau telah membincangkan masalah rasuah ini dalam tulisan beliau yang telah

menerima perhatian ramai.

Sejak dasawarsa lima puluhan, Syed Hussein Alatas memberi perhatian kepada dua aspek penting dalam kajian beliau tentang rasuah. Konsep rasuah, ciri-cirinya, peranannya dan dampaknya pada masyarakat dianggap penting oleh beliau. Dalam menjelaskan ide-ide ini, beliau berjaya menilaikan rasuah dari perspektif moral yang luas yang merangkumi nilai-nilai murni semua agama. Pada masa yang sama, Syed Hussein Alatas membentangkan beberapa kes rasuah yang konkrit dari beberapa buah negara. Kes-kes ini yang memperkukuhkan asas empirikal tulisan beliau. Buku *Sosiologi Rasuah* ini kaya dengan dimensi-dimensi konseptual yang diiringi dengan bukti-bukti empirikal.

Buku-buku lain tulisan sarjana tersohor ini tentang rasuah juga memperlihatkan dua dimensi tersebut. Semua tulisan Syed Hussein Alatas dalam bidang pengajian rasuah merupakan bahan rujukan saya dalam menyediakan sebuah esei yang bertajuk, “Alatas: Pioneer in the Study of, and the Struggle against, Corruption” dalam buku berjudul, *Syed Hussein Alatas and Critical Social Theory: Decolonizing the Captive Mind* (Brill, 2023). Buku mengenai Syed Hussein Alatas sebagai seorang ahli fikir ini, mengandungi pelbagai aspek lain dalam penulisan beliau—selain daripada subjek rasuah—yang merupakan sebahagian daripada sumbangan ilmiah beliau. Antara sumbangan Syed Hussein Alatas yang gemilang adalah ide-ide yang bernas tentang minda tertawan (*captive mind*). Golongan muda khususnya harus memahami konsep ini yang menunjukkan bagaimana generasi-generasi

pascakolonial di Asia, Afrika dan Amerika Latin memikir tentang, dan mendekati, cabaran-cabaran sosio-ekonomi dan sosio-politik.

Cara Syed Hussein Alatas sebagai seorang siswazah di universiti di Belanda, negara yang pernah menjajah negara kelahiran beliau—iaitu Indonesia—mengemukakan rasuah sebagai cabaran besar masyarakat pada awal dasawarsa lima puluhan sebelum majoriti sarjana, perancang, mahupun ahli politik sedar tentang bahayanya bencana ini, adalah bukti ketara tentang pemikiran yang kontra pada minda tertawan.

*Sosiologi Rasuah* merupakan hasil daripada intelek yang bebas, yang mandiri (*autonomous*), yang dimiliki oleh seorang insan yang menghargai kemuliaan dirinya. Inilah yang dimaksudkan dengan Karamah Insaniah.

**Chandra Muzaffar**

24 Mei 2024



## PRAKATA

(Edisi Bahasa Inggeris)

Tidak banyak karya mengenai permasalahan rasuah yang ditulis sebaik karya Syed Hussein Alatas ini. Ia terbit tepat pada waktunya. Kebelakangan ini tumpuan yang tidak seimbang telah diberikan kepada dimensi teknologi, sains dan ekonomi dalam mengungkapkan proses perubahan sosial. Manakala banyak aspek nilai-nilai yang terinstitusi tidak diberikan perhatian secukupnya sungguhpun ia tidak terpisah daripada proses yang terjadi itu. Antara aspek yang sering kali diabaikan adalah rasuah—suatu fenomena rumit dan berleluasa yang dibezakan misalnya daripada perbuatan jenayah dan kegiatan lain yang berkait rapat tetapi memiliki pola tingkah laku yang berlainan, sama ada ia tindakan terancang atau tidak terancang.

Alatas telah membidas banyak hipotesis yang diajukan oleh sarjana-sarjana lain untuk menjelaskan beberapa amalan rasuah yang kerap kali muncul di tahun-tahun peralihan masyarakat 'tradisional'. Sebagai seorang sarjana yang berpengetahuan luas dan intim dengan pelbagai kebudayaan, khususnya budaya Asia Selatan dan Timur, Alatas secara lunak telah mengajukan cabaran terhadap usulan yang dilakukan oleh kajian-kajian rasuah terdahulu. Beliau mengkritik pernyataan yang mengusulkan bahawa kesan daripada amalan 'hadiah' di

zaman tradisional telah mempengaruhi dan memanjangkan perbuatan rasuah sebagai subbudaya di zaman kontemporari. Di sini *Alatas* telah berjaya mempermasalahkan satu daripada punca rasuah yang sering kali digunakan untuk menjustifikasikan dasar toleransi terhadap amalan rasuah sama ada yang dilakukan oleh pegawai kerajaan atau pegawai swasta dalam suatu perbuatan korup. *Alatas* memperincikan dengan jelas perbezaan-perbezaan dari sudut takrifan serta menyaranakan jenis-jenis data sejarah dan kontemporari yang harus dibawa ke dalam analisis sebelum pengabsahan boleh diberikan kepada usulan tersebut.

Analisis yang teliti, ilmiah dan tajam ini merupakan prolog kepada apa yang saya harapkan menjadi lonjakan baharu dalam usaha saintifik, keserjanaan dan yang berorientasikan dasar awam supaya pemahaman kita tentang fenomena rasuah itu sampai ke tahap yang lebih tinggi seperti mana kajian-kajian mengenai manifestasi sosial yang lainnya. Pendekatan kajian *Alatas* ini lebih unggul kerana ia mengambil kira keseluruhan konteks sosialnya. *Alatas* menghuraikan bahawa fenomena rasuah hanya boleh difahami apabila ia secara jelas dihubungkan dengan latar belakang budaya sesuatu masyarakat itu tatkala ia muncul dan bagaimana kemudiannya ia terus berinteraksi.

Hanya minda paling dangkal sahaja yang berpuas hati dengan anggapan bahawa 'rasuah' adalah seperti kewujudan 'golongan miskin'; yakni akan sentiasa ada bersama kita. Turut dikatakan bahawa tiada perkara baharu boleh kita pelajari dengan meneroka bentuk, jenis dan magnitud rasuah dalam mana-mana masyarakat atau lokaliti



tertentu kerana ia akan sentiasa ada. Di sebalik anggapan-anggapan itu, hakikatnya adalah dimensi penting dalam amalan rasuah hanya akan terbongkar apabila kita dapat mengenal pasti gugusan faktor-faktor khusus yang wujud di tempat tertentu, pada masa tertentu dan dapat pula menilai sekuat mana pengaruh setiap satu faktor yang dikenalpasti itu dalam merangsang atau mengekang amalan rasuah.

Tanpa membahas lebih lanjut, izinkan saya menegaskan betapa pentingnya topik ini dan pendekatan yang digunakan, khususnya buat mereka yang melihat ia sebagai suatu titik permulaan baharu untuk memahami dan akhirnya menyumbang kepada pengekangan terhadap salah satu fenomena paling degil yang wujud, sama ada di kehidupan peribadi atau di ruang awam, di masa lalu atau di masa kini, atau di mana-mana jua dalam masyarakat manusia.

**Harold D. Lasswell**



## Pengenalan

Sesiapa yang cuba untuk melakukan analisis sosiologi rasuah, pada akhirnya akan bertembung dengan permasalahan metodologi. Kaedah-kaedah kajian sosial yang secara umumnya dipakai dan diterima seumpama temu bual, soal selidik dan analisis statistik tidak boleh digunakan di sini selagi mana rasuah dianggap sebagai suatu bentuk transaksi yang tidak punya kejelasan. Paling banyak pun seseorang ahli sosiologi itu boleh lakukan adalah dengan membuat pemerhatian terhadap fenomena tersebut dan kesan-kesannya, serta mengumpul sebanyak mungkin maklumat-maklumat sulit sekitarnya. Malah, setiap pendedahan salah laku rasuah kepada khalayak awam, yang selalunya berlaku sewaktu kejatuhan mana-mana rejim, pun tidak dapat melondehkan banyak maklumat yang sepatutnya dilondehkan.

Ahli sosiologi yang mengkaji fenomena rasuah harus sepenuhnya fasih dan mahir dalam sejarah, budaya, bahasa, dan hal-hal yang bersangkutan dengannya; sekurang-kurangnya suatu peristiwa atau contoh kes rasuah yang rencam dan kompleks, justeru daripada contoh tersebut beliau boleh mengutip data-datanya dan menguji teori-teorinya. Tanpa pengetahuan latar sebegitu, adalah menjadi sukar untuk beliau menawarkan